

Lampiran 6

Jurnal Penyelidikan Pendidikan MICSS Keprihatinan Etika

Penerbitan

Jurnal Penyelidikan Pendidikan MICSS adalah wacana akademik *double-blind peer-review*, dan mematuhi etika akademik dengan ketat dalam proses penerbitan. Sekiranya manuskrip didapati melanggar etika akademik yang berkaitan setelah diterbitkan, artikel berkenaan akan digugurkan dari laman web jurnal. Selain *double-blind peer-reviewed*, jurnal ini juga melarang penyalinan dan penipuan. Justeru, proses penyelidikan harus memastikan tidak mendatangkan sebarang musibah kepada peserta penyelidikan.

Pengarang

Manuskrip yang dihantar mestilah asli dan tidak pernah diterbitkan di jurnal-jurnal lain. Sumber bahan dan gambar rujukan mesti dinyatakan dengan jelas. Pengarang perlu memastikan perbendaharaan kata dan ayat manuskrip adalah tepat. Sekiranya penyelidikan berkaitan dengan tajaan mana-mana organisasi, nama penaja mesti disenaraikan dengan jelas di bahagian penghargaan. Selain itu, sekiranya penerbitan artikel memerlukan persetujuan penyediaan data, pengarang diminta untuk berkomunikasi dengan organisasi berkaitan sebelum penghantaran. Jurnal ini tidak bertanggungjawab untuk menjalankan penyelarasan antara pengarang dan pihak ketiga

Penyunting

Penyunting mesti memastikan bahawa semua *double-blind peer-reviewed* adalah adil. Sidang Pengarang mesti memastikan bahawa tidak ada konflik kepentingan antara pengarang, penyemak, dan sidang pengarang. Semua proses semakan adalah sulit dan bergantung pada penyelarasan ketua pengarang.

Penyemak

Semua manuskrip harus disemak tanpa mengira bangsa, jantina, kewarganegaraan, agama, atau kecenderungan politik. Penyemak hendaklah memastikan bahawa semua proses semakan adalah sulit. Sekiranya didapati bahawa manuskrip itu melanggar hak cipta atau penipuan ke atas pihak ketiga semasa proses semakan, ketua pengarang hendaklah diberitahu secepat mungkin. Penyemak mesti menyemak manuskrip yang berkaitan secara objektif dan jelas dengan menyatakan komen mereka pada borang maklum balas ulasan.

Sekiranya penyemak tidak dapat menyelesaikan kerja penyemakan dalam had masa yang ditetapkan, atau kandungan artikel di luar bidang pengetahuan penyemak, penyemak mesti memberitahu ketua penyunting secepat mungkin, agar tidak menangguhkan proses penyemakan.